

19/06/1999

PM yakin BN menang majoriti dua pertiga

is; Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Barisan Nasional (BN) yakin memperolehi majoriti dua pertiga undi pada pilihan raya umum akan datang, kata Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, walaupun pengkritik menyatakan BN akan gagal memenangi pilihan raya dengan kelebihan dua pertiga, ramalan mereka kali ini, seperti sebelumnya, juga akan meleset.

Memberitahu sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno ditangguhkan petang ini, Dr Mahathir menegaskan Umno dan semua parti komponen BN sudah bersedia menghadapi pilihan raya bila-bila masa.

"Semangat ahli juga bagus seperti dapat dilihat hari ini. Kita boleh adakan pilihan raya bila-bila masa tetapi kita tidak akan terburu-buru.

"Biarkan pembangkang bekerja keras dan apabila mereka sudah keletihan, barulah kita buat keputusan mengenai tarikh pilihan raya," katanya.

Presiden Umno berkata, tahap kesediaan parti komponen BN untuk menghadapi pilihan raya juga sama dengan Umno.

"Sudah tentu mereka lebih bersedia berbanding parti pembangkang," katanya sambil menambah BN tidak menganggap pakatan pembangkang mampu memberi ancaman kerana mereka sibuk bertelagah sesama sendiri.

Menurutnya, pembangkang bekerjasama atas landasan yang berbeza serta tujuan yang berlainan antara satu sama lain.

"Saya rasa susah mereka nak bekerjasama, mereka tidak bersetuju dalam banyak perkara. Kita tidak terlalu bimbang mengenai mereka," tambahnya.

Ditanya sama ada beliau akan terus menerajui parti sehingga memasuki alaf baru, Dr Mahathir juga berkata, beliau bertanggungjawab untuk terus memimpin BN sehingga selepas pilihan raya umum.

Katanya, mandat kerajaan BN akan ditentukan melalui pilihan raya yang perlu diadakan sebelum Jun tahun depan.

"Saya tidak tahu mengapa soal saya meletak jawatan dibangkitkan, apakah anda jangka saya akan letak jawatan sekarang? Tidak ada sebab. Saya sepatutnya letak jawatan tahun lalu, kalau bekas timbalan saya berkelakuan baik, tetapi dia fikir perkara lain lebih menyeronokkan daripada menggantikan saya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, usaha memberi penjelasan mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, perlu diteruskan kerana golongan yang fanatik dengannya akan terus cuba menghasut rakyat.

"Penerangan mengenainya perlu diteruskan kerana dalam politik, kehilangan beberapa undi dari kalangan mereka yang tidak memahami isu berkenaan boleh menyebabkan kekalahan dalam pilihan raya," katanya.

Beliau yakin rakyat dapat menerima penjelasan panjang lebarnya dalam ucapan perasmian pagi tadi. Ucapan itu juga dirakam untuk diedarkan kepada mereka yang tidak hadir.

Mengenai pandangan umum terhadap keputusan mahkamah yang mendapati Anwar bersalah menyalahgunakan kuasa, Dr Mahathir berkata, majoriti rakyat negara ini menyokong keputusan mahkamah.

"Walaupun pandangan media asing adalah sebaliknya, mereka bukan warga negara ini yang mempunyai hak untuk membuat pilihan. Saya tidak akan bertanding di negara lain kecuali di Malaysia.

"Pandangan rakyat negara ini penting kepada saya dan sepanjang yang saya lihat, majoriti rakyat negara ini menyokong keputusan mahkamah. Tentulah ada kalangan tidak bersetuju. Tetapi kita tidak peduli sama sekali apa tanggapan umum di negara lain," katanya.

Ditanya kemungkinan Anwar diberi pengampunan diraja, Dr Mahathir berkata:

"Dia mengatakan dia tidak bersalah, jadi macam mana kita nak ampunkan orang yang tidak bersalah."

(END)